



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
No. 8

11hb April 2019

*TAMBAHAN
No. 1*

No. 305.

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM

DECLARATION UNDER SECTION 62
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE


Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan bahawa lengkungan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur dan Pemetaan No. P.A. 366796 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Kedah Darul Aman dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu “Kawasan Lapang dan Kolam Takungan Air” dan diisytiharkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pegawai Pengawal.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.A. 366796 deposited in the Office of the Director of Survey Kedah Darul Aman as reserved for public purpose namely “Kawasan Lapang dan Kolam Takungan Air” and to be controlled by State Secretary Kedah Darul Aman.

JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Pokok Sena, Seksyen 008. Daerah—Pokok Sena.

Lot	Keluasan	Pelan Akui
Meter Persegi		
60497 (Kawasan Lapang)	826	366796
60498 (Kolam Takungan Air)	473	366796



Bertarikh

Dated

[PSU(K): 931-1432; PTG/Ked./A/67/2010]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah/
Secretary State Executive Council
Kedah

No. 306.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960
(Act 486)

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud berikut:

“Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] untuk Tujuan Kemudahan Awam iaitu Tapak Pencawang Elektrik di Bandar Alor Setar, Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman oleh Tenaga Nasional Berhad”.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

“Land Acquisition under paragraph 3(1)(b) of the Land Acquisition Act 1960 [*Act 486*] for the Public Utility i.e. The Site of Electricity Substation at Bandar Alor Setar, District of Kota Setar, Kedah Darul Aman by Tenaga Nasional Berhad”.

2. A plan of the area specified may be inspected during the normal hours of business in the District Land Office of which such site and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Town—Alor Setar. Daerah/District—Kota Setar. No. Lot Ukur/
Survey Lot No.—3392 (Lot Baru 1176). Hakmilik atau Kependudukan/Title
or Occupation—H.S.(M) 19305. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang
Direkodkan/Registered Proprietor or Recorded Occupant—Sharifah Fatimah
binti Syed Abdullah 1/1 bhg. Keluasan Lot/Area of Lot—0.0457 hektar/
hectare. Anggaran Keluasan yang akan Diambil/Approximate Area to be
Acquired—0.0457 hektar/hectare.

Bertarikh 20 Mac 2019

Dated 20 Mac 2019

[PSU(K) 590-1440; PTG/Ked./L/AM/13/2016(05)]

RIZAWATI BINTI MOHAMAD @ RAMLI
*Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Kedah/
Senior Assistant Director Land and Mine
on Behalf of Land and Mines Director
Kedah*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA